

Kempen PruBSN EPF Fasa 2 “Lindungi Famili, Ganjaran Menanti”

Terma dan Syarat

- 1) Kempen “Lindungi Famili, Ganjaran Menanti” PruBSN (“Kempen”) ini ditawarkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** (“PruBSN”). Dengan menyertai kempen ini, **Pelanggan Layak** (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2 di bawah) dianggap telah bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini serta Polisi Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/en/privacy-policy/>.
 - 1.1. Tempoh Kempen : Kempen ini berlangsung dari **17 Mac 2025 hingga 17 Jun 2025** (termasuk kedua-dua tarikh tersebut).
- 2) Kelayakan Kempen
 - 2.1 **Pelanggan Layak** (peserta/pemilik sijil) adalah pelanggan yang:
 - a) Menyertai sijil baharu PruBSN Lindung Famili dan/atau PruBSN Cegah Famili, yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 di bawah; dan
 - b) Sijil diterima oleh PruBSN antara 17 Mac 2025 hingga 17 Jun 2025 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut), di mana sijil tersebut mesti diluluskan dan dikeluarkan sebelum atau pada **17 Jun 2025**.
 - 2.2 Sijil tersebut mestilah kekal berkuat kuasa dengan semua bayaran sumbangan dikemas kini, tanpa sebarang pengurangan sumbangan, pengeluaran separa atau penyingkiran rider kempen.
 - 2.3 Kaedah Langganan: Perlindungan takaful mesti didaftarkan oleh Pelanggan Layak melalui aplikasi KWSP i-Akaun (boleh dimuat turun melalui Apple App Store atau Google Playstore).
- 3) Setiap Pelanggan Layak yang memenuhi syarat dalam Klausa 2 di atas berhak menerima satu (1) hadiah ganjaran (“**Ganjaran/Hadiah**”) yang akan dipilih melalui sistem pemilihan automatik PruBSN (“**Pemenang**”).

Plan	Requirement per Certificate	Reward/Gift per Certificate
PruBSN Lindung Famili; PruBSN Cegah Famili;	Terbuka kepada semua ahli KWSP yang melanggan sijil baharu untuk diri sendiri dan/atau ahli keluarga sekurang-kurangnya dua (2) sijil dengan jumlah sumbangan RM150 setiap transaksi .	Layak menerima satu (1) hadiah maksimum , yang akan dipilih oleh sistem automatik PruBSN.

Kategori Hadiah	Ganjaran	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Holiday vouchers baucar RM3,000	6
Tempat Pertama	Harvey Norman Malaysia baucar Bernilai RM1,500	20
Tempat Kedua	Shopee Malaysia baucar Bernilai RM500	40
Tempat Ketiga	Lazada / AEON CO. baucar Bernilai RM300	30
Hadiah Saguhati	Touch ‘n Go RM100	300

- 4) Hadiah akan dihantar kepada Pelanggan Layak melalui e-mel mulai September 2025.
- 5) Pemenang mesti mengekalkan sijil yang aktif untuk tempoh minimum tiga (6) bulan dari tarikh pengagihan ganjaran. Sekiranya berlaku penyerahan awal sijil, PruBSN berhak untuk mendapatkan semula atau melaraskan ganjaran yang diberikan.

- 6) Pelanggan Layak bertanggungjawab memastikan ketepatan maklumat yang diberikan kepada PruBSN pada setiap masa. PruBSN berhak untuk meminta maklumat tambahan bagi mengesahkan kesahihan maklumat yang diberikan, termasuk jika terdapat unsur penipuan atau penyalahgunaan.
- 7) Segala hak, kepentingan, dan manfaat Ganjaran/Hadiah dianggap telah diberikan kepada Pelanggan Layak setelah berjaya dihantar. Jika hadiah dicuri atau hilang, tiada penggantian akan diberikan kecuali atas sebab yang berpunca daripada PruBSN.
- 8) Ganjaran/Hadiah yang diberikan di sini tidak boleh ditafsirkan sebagai sebarang variasi kepada terma dan syarat sijil takaful yang dikeluarkan, yang tertakluk kepada proses standard dan peraturan penilaian risiko PruBSN.
- 9) Keputusan PruBSN berkenaan Ganjaran/Hadiah yang diberikan adalah muktamad dan mengikat berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di sini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
- 10) PruBSN berhak menukar hadiah dengan item lain yang sama nilai tanpa pemberitahuan awal. Hadiah yang diberikan tidak boleh ditukar, dipindah milik, atau ditebus dalam bentuk wang tunai
- 11) PruBSN boleh menolak penyertaan mana-mana pelanggan jika terdapat pelanggaran terma & syarat kempen ini.
- 12) Pelanggan Layak mesti mematuhi semua undang-undang berkaitan anti-rasuah & anti-korupsi, termasuk: Akta Pencegahan Rasuah AS (US Foreign Corrupt Practices Act), Akta Rasuah UK (UK Bribery Act), Ordinan Pencegahan Rasuah Hong Kong, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. PruBSN berhak untuk membatalkan penyertaan tanpa notis jika terdapat sebarang ketidakpatuhan terhadap undang-undang yang dinyatakan di atas.
- 13) Pelanggan Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat berkaitan Kempen ini akan tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"). Pelanggan Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.
- 14) Sekiranya PruBSN mengetahui bahawa Pelanggan Layak:
 - a) Tersenarai dalam senarai sekatan antarabangsa atau berisiko untuk disenaraikan; atau
 - b) PruBSN boleh melanggar kewajipan sekatan akibat kempen ini,Maka, PruBSN akan membatalkan penyertaan pelanggan dengan serta-merta serta mengambil tindakan lanjut termasuk memaklumkan kepada pihak berkuasa berkaitan.

*"Sekatan (Sanctions)" merujuk kepada sekatan terhadap negara, individu, atau entiti oleh organisasi antarabangsa seperti *Pejabat Pelaksanaan Sekatan Kewangan HM Treasury, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kesatuan Eropah (EU), Jabatan Perbendaharaan AS (OFAC), dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong (HKMA).
- 15) PruBSN berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan kempen ini tanpa notis awal. Sebarang perubahan pada terma & syarat kempen ini akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui e-mel atau saluran rasmi PruBSN.
- 16) PruBSN berhak untuk menambah, memadam, atau mengubah suai Terma dan Syarat Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan Layak melalui e-mel berdaftar mereka. Kaedah pemberitahuan (jika ada) adalah atas budi bicara munasabah PruBSN, yang boleh merangkumi tetapi tidak terhad kepada pemaparan notis di laman web atau media sosial PruBSN, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN, dan/atau sebarang kaedah lain yang ditentukan oleh PruBSN.

- 17) Kempen ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan berada di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- 18) Terma & syarat ini tersedia dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.